



HOTEL Amansari Desaru

Sedia 238 bilik penginapan selesa

Kota Tinggi: Hotel Amansari Desaru yang diusahakan Kumpulan SKS di Taman Desaru Utama di sini, mampu memenuhi kelengkapan penginapan kepada pelancong asing mahupun tempatan yang beriadah ke kawasan peranginan berkenaan.

Pengarah Kumpulan SKS, Amir Shariffudin Abd Raub berkata, pembukaan hotel berkenaan mampu memperkayakan portfolio syarikat berkenaan dalam bidang perhotelan selain mengukuhkan kedudukan Desaru sebagai destinasi pelancongan unggul di kawasan berkenaan.

Malah, beliau berkata, hotel bertaraf tiga bintang itu juga akan memenuhi keperluan pelanggan yang mahu membuat urusan perniagaan ke pelbagai destinasi pelancongan serta pembangunan berhampiran kerana ia terletak di lokasi strategik dan mudah diakses.

Menurutnya, pihaknya yakin kewujudan hotel itu memudahkan orang ramai kerana ia bukan sahaja menawarkan harga berpatutan malah dilengkapi pelbagai kemudahan yang menjanjikan keselesaan.

"Hotel ini yang dilancarkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said baru-baru ini tidak jauh dari

Desaru Coast, Projek Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) mahu pun Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang.

"Ia menawarkan sebanyak 238 bilik penginapan berhawa dingin yang luas dan selesa termasuk superior, deluxe, super deluxe dan bilik keluarga.

"Ia juga dilengkapi bilik mandi, televisyen, peti sejuk dan kemudahan lain," katanya.

Amir Shariffudin berkata, lounge Amansari di tingkat dua pula menawarkan kemudahan selesa bagi minum petang dan pertemuan selain sebuah gimnasium yang dilengkapi pelbagai jenis mesin senaman.

Menurutnya, sebuah kafeteria juga disediakan di tingkat bawah yang menghidangkan bufet menarik dan mampu memuatkan 250 tetamu bagi persidangan, mesyuarat dan majlis.

"Pelanggan boleh menggunakan kemudahan rekreasi seperti kolam renang, bilik sauna, gelanggang tenis, futsal yang terletak di rumah kelab Desaru Utama dengan kadar yang istimewa.

"Bagi keterangan lanjut, orang ramai boleh menghubungi talian 012-7207488," katanya.

FAKTA

Sebuah kafeteria mampu memuatkan 250 tetamu